



Good food, Good life

## Siaran Berita

Kuala Lumpur, Ogos 30, 2021



### **Kempen *MAGGI Sah Malaysia* kembali untuk raikan kegemilangan 50 tahun memori MAGGI bersama Malaysia**

- Kempen *MAGGI Sah Malaysia* tanda ikatan mesra yang berkekalan selama 50 tahun bersama rakyat Malaysia
- Sejumlah 50,000 kit makanan akan disumbangkan kepada golongan B40 sebagai sebahagian daripada iltizam dalam meningkatkan kehidupan golongan ini melalui penyediaan makanan yang seimbang dan berpatutan



Pada Ogos ini, kempen *MAGGI Sah Malaysia* kembali semula sempena meraikan komitmen 50 tahun pada rakyat Malaysia, yang diharapkan akan menyuntik semangat positif di seluruh negara dan menghidupkan semula memori indah yang tercipta bersama rakyat Malaysia sepanjang lima dekad yang lalu.



Sejak diperkenalkan pada tahun 1971, Mi MAGGI 2-Minit (M2MN) telah menjadi cukup ikonik bagi rakyat Malaysia, mencipta banyak saat-saat indah yang terpahat di ingatan. Dan walau di mana mereka berada, Mi MAGGI sentiasa mengingatkan mereka pada keluarga tercinta.

Jenama MAGGI bangga kerana dapat menyajikan rasa yang autentik, mudah didapati serta berpatutan untuk rakyat Malaysia. Hari ini, jenama MAGGI merupakan antara jenama yang dipercayai oleh rakyat Malaysia, membantu ramai keluarga dalam menyediakan sajian yang berpatutan dan enak – dengan penambahan porsi protein dan sayur-sayuran yang betul untuk mencapai sajian seimbang.

## **50 Tahun Bersama**

“Kami amat berbesar hati telah menjadi sekutu di dapur rakyat Malaysia selama 50 tahun, membantu penyajian hidangan yang enak, seimbang serta berpatutan yang sentiasa mengembackan memori rasa yang dekat di hati rakyat Malaysia. Tahun ini merupakan tonggak penting dalam sejarah jenama MAGGI, di samping meraikan kemerdekaan Malaysia yang ke-64 tahun, dan kami akan menyambung usaha dalam mengeratkan lagi jalinan bersama rakyat Malaysia dengan semangat #KitaJagaKita,” kata Geetha Balakrishna, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MAGGI, Nestlé (Malaysia) Berhad.

## **Bersama Dengan Semangat #KitaJagaKita**

Diilhamkan dari paparan solidariti oleh rakyat Malaysia di tengah-tengah kesukaran berdepan pandemik COVID-19, *MAGGI Sah Malaysia* dilancarkan pada tahun lalu untuk meraikan kecekalan dan ketabahan masyarakat Malaysia serta menghimpun sokongan bagi golongan yang memerlukan. Sejumlah 50,000 kit makanan telah disumbangkan kepada golongan B40 melalui *Peraduan MAGGI Sah Malaysia Beli & Beramal* pada tahun lalu, di mana rakyat Malaysia dapat membantu membekalkan barang keperluan asas dalam bentuk kit makanan, dengan setiap pembelian produk MAGGI bagi penyediaan sajian yang berpatutan, enak serta berkhasiat untuk keluarga.

Tahun ini, bagi meneruskan komitmen dalam membantu golongan yang memerlukan, *Peraduan MAGGI Sah Malaysia Beli & Beramal* kembali untuk tahun ke-2. Menyediakan platform untuk membantu keluarga yang memerlukan, *MAGGI Sah Malaysia* bermatlamat menyumbangkan sejumlah 50,000 lagi kit makanan kepada golongan B40 di seluruh Malaysia.

Tambah Geetha: “Pandemik yang sedang melanda negara kita telah memberi tekanan kepada ramai rakyat Malaysia, khususnya golongan B40. Oleh itu, kami berharap dapat meningkatkan dan memperkasakan rakyat Malaysia yang terjejas melalui makanan, yang sentiasa mampu menyatukan kita. Inisiatif B40 kami bermatlamat untuk menyediakan asas serta cara bagaimana menyiapkan sajian yang enak, seimbang serta berpatutan, sejajar dengan usaha besar Nestlé Malaysia untuk meringankan beban golongan yang memerlukan bantuan, terutama pada masa yang penuh mencabar kini.”

Bermula dari 1 Ogos sehingga 30 September 2021, dengan setiap pembelian produk MAGGI bernilai RM5, peserta layak untuk menyertai *Peraduan MAGGI Sah Malaysia Beli & Beramal* dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp ataupun e-borang di laman web MAGGI. Peserta berpeluang untuk memenangi hadiah lumayan di samping dapat beramal dan membantu golongan yang memerlukan. Bagi setiap 10,000 penyertaan yang diterima, 1,000 kit makanan akan

disumbangkan mengikut negeri para peserta, dengan matlamat untuk menyumbangkan sejumlah 50,000 kit makanan kepada mereka yang memerlukan di seluruh Malaysia.



Sepanjang 50 tahun yang lalu, pelbagai inovasi telah dilancarkan bagi memudahkan penyediaan makanan serta memberikan rakyat Malaysia pelbagai pilihan sajian yang enak. Pada tahun 1969, sos MAGGI kesukaan ramai – Sos Tomato dan Sos Cili, pertama kali dihasilkan dan dibotolkan di Malaysia. Tidak lama kemudian, Mi MAGGI 2-Minit yang cukup ikonik dilancarkan pada tahun 1971. Pada tahun 1986, kiub pati ayam MAGGI, produk kulineri pertama, diperkenalkan untuk melazatkan lagi sajian rakyat Malaysia. Mara ke tahun 2020, dua MAGGI Mi Goreng baru diperkenalkan sebagai tanda penghargaan terhadap cinta rakyat Malaysia kepada rasa tempatan yang pedas dan asli. Sebagai jenama kepercayaan ramai rakyat Malaysia, jenama MAGGI kekal komited dalam misi mewujudkan detik-detik sajian enak yang mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan .



# MERAIKAN 50 TAHUN MEMORI MI MAGGI BERSAMA MALAYSIA

Jenama MAGGI telah sekian lama sinonim dengan mi sejak 50 tahun yang lalu pada tahun 1971, apabila Mi MAGGI 2-Minit yang cukup ikonik pertama kali diperkenalkan di Malaysia. Hari ini, jenama ini kekal komited dalam membantu ibu-ibu menyediakan sajian yang enak dan seimbang untuk seisi keluarga setiap hari. Misi kami adalah untuk mewujudkan detik-detik sajian enak yang mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Berikut adalah beberapa tonggak utama kami selama 50 tahun yang lalu bersama anda:



Mi MAGGI 2-Minit diperkenalkan di Malaysia

## Hirupan Pertama

Pada tahun 1971, Mi MAGGI 2-Minit diperkenalkan di Malaysia, tertumpu pada rasa yang menepati citarasa dan selera rakyat Malaysia. Dengan menggunakan resepi yang tak lapuk dek zaman, yang dicipta oleh chef kami sendiri, Mi MAGGI 2-Minit Kari adalah hasil dari gabungan 12 rempah ratus yang digiling dan dimasak perlahan-lahan sehingga pecah minyak untuk menaikkan aroma. Sebaik dimasak, pes kari dibersihkan supaya kering dengan sendiri, menyerlahkan lagi rasa kari khas kami. Mi MAGGI kenyal yang digemari ramai, diperbuat dari sumber gandum dari Australia.

### Tahukah anda?

Tidak ramai yang tahu bahawa Encik Samuel Senn, seorang rakyat Swiss dan bekas Pengurus Besar Nestlé Malaysia dan Singapura (MYSG) yang memperkenalkan dan membina kilang Mi MAGGI 2-Minit di Malaysia. Beliau mendapat inspirasi dari Jepun dan berperanan dalam membawa masuk Mi MAGGI di rantau ini. Istilah "Mi MAGGI cepat dimasak, sedap dimakan" yang dicipta menjadi popular, dan Nestlé Malaysia menjadi pasaran contoh untuk mi segera MAGGI. Hingga ke hari ini, makanan asas ini kekal penting, mudah didapati, tersedia serta berpatutan buat sesiapa sahaja di Malaysia.



MAGGI Hot Cup diperkenalkan pada rakyat Malaysia, untuk dinikmati pada bila-bila masa, di mana jua

## Di Mana Jua

Mi yang lazat, di mana jua!

MAGGI Hot Cup diperkenalkan pada tahun 1996, menyediakan rakyat Malaysia dengan semangkuk kebaikan yang enak, pada bila-bila masa, di mana sahaja. Hari ini, jenama MAGGI mempunyai rangkaian produk yang boleh dinikmati di mana jua, dari Hot Cup\* hingga ke Hot Mealz™.



### Tahukah anda?

Di samping MAGGI Hot Cup, mercu tanda Malaysia yang cukup ikonik juga dibuka pada tahun yang sama. Tepat sekali, jika tekaan anda adalah Menara Berkembang Petronas! Ia menggambarkan kemajuan negara selama bertahun-tahun, serta hasrat untuk perkembangan yang berterusan. Begitu juga semangkuk Mi MAGGI yang melambangkan lebih daripada sekadar santapan; ia tentang ikatan mesra bersama Malaysia serta komitmen berterusan pada rakyat Malaysia buat tahun-tahun mendatang.



Pek Penambah Perasa  
MAGGI CukupRasa™ kini tiba

## Dibuat Untuk Keluarga

Penambah Perasa semua dalam satu dengan bawang segar, bawang putih, serta campuran rempah ratus yang lengkap? Ya, semestinya MAGGI CukupRasa, yang diperkenalkan pada tahun 2007, melazatkan lagi makanan kegemaran keluarga!



Bercakap mengenai keluarga, tahukah anda rangkaian sos merah MAGGI - Sos Tomato dan Sos Cili, pertama kali dihasilkan dan dibotolkan di Malaysia pada tahun 1969? Pada tahun 1971, kami membuka kilang di Batu Tiga untuk menghasilkan mi MAGGI. Hari ini, lebih dari 2.5 juta pek mi MAGGI dihasilkan setiap hari!

Dua perisa MAGGI Mi Goreng baru, yang semestinya selera Malaysia, diperkenalkan

## Demi Rakyat Malaysia

Bila terfikirkan Malaysia, pasti akan teringatkan makanan yang pedas. Diilhamkan dari cinta rakyat Malaysia kepada rasa tempatan yang pedas dan autentik, dua perisa MAGGI Mi Goreng diperkenalkan pada tahun 2020 - Sambal Tumis Bilis yang diperbuat dari ikan bilis sebenar dan dihidai dengan bawang goreng beraroma, menyajikan rasa yang cukup pedas dan autentik, dan Cili Kampung dengan kombinasi rasa pedas, masin dan manis yang cukup lengkap.



Bercakap mengenai tradisi, semangkuk bubur lambuk adalah juadah wajib setiap menjelang Ramadan dan dianggap makanan yang dinanti ramai rakyat Malaysia. Dalam semangat keprihatinan pada rakyat Malaysia, pada tahun 2020, 130,000 mangkuk bubur lambuk MAGGI yang bemutris; dimasak oleh chef kami dan diagihkan kepada petugas-petugas barisan hadapan. Ini termasuklah para profesional dan penjaga kesihatan di seluruh Malaysia, yang telah bertungkus-lumus tanpa lelah, menyumbang masa dan tenaga dalam memerangi wabak COVID-19 yang melanda negara kita. Golongan B40, rumah anak yatim dan rumah kebajikan juga antara penerima bubur lambuk.



Layari <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-sah-malaysia/> untuk maklumat lanjut tentang kempen *MAGGI Sah Malaysia*.

### **Mengenai MAGGI**

Jenama MAGGI adalah satu jenama global yang telah menjadi nama terkemuka di Malaysia. Misi terasnya adalah untuk mewujudkan detik-detik sajian enak yang merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Melalui rangkaian produk dan makanannya yang luas, jenama MAGGI membantu para ibu untuk menyediakan sajian yang enak dan seimbang bagi keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited dalam memenuhi segenap keperluan penyedia makanan, menghasilkan inovasi-inovasi produk yang digemari keluarga-keluarga di Malaysia selama bergenerasi. Untuk ketahui dengan lebih lanjut, layari [www.maggi.my](http://www.maggi.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 191 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **Shaheen Mohamed Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 2356865

E-mail: [Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com](mailto:Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com)

#### **Fazirah Sa'im**

Golin Singapore

Tel: +65 6551 5426

Mobile: +65 9009 2760

E-mail: [fsaim@golin.com](mailto:fsaim@golin.com)